Bahagian Sekolah-Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian
Leboh Pasar Besar
Kuala Lumpur. Tel: 922066

KP(BS)8591/Jld. II/(7)

11hb. April, 1983.

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Semenanjung Malaysia
Sabah dan Sarawak.

Tuan,

Surat Pekeliling Iktisas Bil. 7/1983
Garis Panduan Mengenai Pungutan Derma
Melibatkan Murid-Murid Sekolah

Sekolah-sekolah biasanya menjalankan pungutan derma untuk menampung atau membiayai sesuatu projek tertentu. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi beberapa prinsip dan garis panduan mengenai pungutan derma yang dijalankan oleh pihak sekolah. Garis panduan pungutan derma dengan melibatkan murid-murid sekolah adalah disertakan bersama.

2. Supaya kegiatan pungutan derma itu dapat dijalankan dengan teratur dan tidak bercanggah pula dengan undang-undang dan lain-lain peraturan yang bersabit dengannya serta tidak pula menjejaskan pelajaran dan pembelajaran murid-murid, perkara-perkara berikut hendaklah diambil perhatian apabila menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut:—

2.1 Prinsip-prinsip Am, seperti menentukan tujuan kutipan derma itu; faedah dan kepentingan derma itu terhadap murid dan sekolah; mewujudkan perasaan relahati dan mengutamakan pembelajaran murid-murid; mempastikan keselamatan dan kebajikan murid-murid; serta mematuhi undang-undang dan lain-lain peraturan mengenainya.

2.2 Peraturan-peraturan Am yang patut diikuti/dipatuhi, seperti memperolehi kebenaran daripada pihak berkuasa; menubuh Jawatankuasa Kutipan Derma; penglibatan murid-murid; tanggungjawab Guru Besar dan tanggungjawab Pengarah Pelajaran Negeri.

2.3 Aktiviti-aktiviti kutipan derma yang bertujuan untuk memberi faedah kepada murid-murid atau sekolah dan aktiviti-aktiviti pungutan derma kebajikan yang dianjurkan oleh kerajaan seperti derma Hari Bendera/

Hari Pahlawan, maka murid-murid sekolah bolehlah dilibatkan bersama, sekiranya diperlukan. Selain daripada tujuan-tujuan ini, Guru Besar hendaklah merujukkan terlebih dahulu kepada Pengarah Pelajaran Negeri.

3. Adalah diharapkan tuan dapat memaklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua Guru Besar sekolah-sekolah di negeri tuan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)
Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada
YB. Menteri Pelajaran Malaysia.

2. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Dato' Khalil bin Yaakob,
Timbalan Menteri Pelajaran.

3. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Dr. Tan Tiong Hong
Timbalan Menteri Pelajaran.

4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran.